

**RapidKL beri potongan 50 peratus kepada pelajar
Malaysiakini.com
April 18, 2010**

Pelajar sekolah di sekitar lembah Klang kini boleh menikmati potongan tambang sehingga 50 peratus melalui penggunaan produk terkini RapidKL, 'RapidPass Pelajar', kata Prasarana Negara Berhad (Prasarana) hari ini.

Pengarah urusannya Datuk Idrose Mohamed berkata 'Rapidpass Pelajar' adalah lanjutan kepada RapidPass yang membolehkan pelajar menggunakan perkhidmatan bas RapidKL, Transit Aliran Ringan (LRT) dan Monorail sepanjang 30 hari tanpa had.

"Produk terbaru ini adalah inisiatif terkini kami bagi membolehkan golongan pelajar menggunakan perkhidmatan RapidKL pada harga potongan, di samping menjimatkan perbelanjaan bulanan mereka.

"Melalui produk ini, penjimatan yang boleh dilakukan akan menarik lebih banyak pelajar menggunakan perkhidmatan RapidKL dan bagi tahun pertama ini, kami sasarkan kira-kira 70,000 pelajar akan menggunakan kemudahan ini," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur.

Beliau berkata produk baru itu mengandungi RapidPass Pelajar Bas (RM50 bagi penggunaan bas RapidKL tanpa had) dan RapidPass Pelajar Integrasi (RM100 bagi penggunaan perkhidmatan bas RapidKL, LRT dan Monorai tanpa had).

Idrose berkata pas berkenaan berfungsi mengikut sistem Touch'N'Go dan perbezaannya hanyalah jumlah baki hari (daripada penggunaan untuk 30 hari) akan dipaparkan pada alat pembaca kad.

Pelajar boleh memilih menggunakan kemudahan EZ di mana urusan pembaharuannya setiap bulan boleh dibuat secara automatik pada minggu terakhir tempoh 30 hari berkenaan, asalkan nilai tambahan semula dalam kad itu mencukupi dan pas berkenaan juga boleh berfungsi sebagai kad Touch'N'Go biasa serta boleh ditambah nilai di mana-mana kaunter tambah nilai Touch'N' Go yang disediakan mesin ATM, katanya.

Idrose berkata bagi memohon penggunaan perkhidmatan itu, pengguna perlu menyertakan kad pengenalan dan salinan kad pengenalan masing-masing yang telah disahkan atau sijil kelahiran dan kad pelajar.

Borang permohonan boleh didapati di mana-mana stesen LRT dan setelah siap diisi, perlu dikemukakan kepada Stesen LRT Pasar Seni bagi tujuan pemprosesan, katanya.

- Bernama